



**FACULTY OF INFORMATION SYSTEM MANAGEMENT  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
KAMPUS PUNCAK PERDANA  
SHAH ALAM**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK SHAHKIR IDHAM, USAHAWAN MUDA SR62 AUTO SDN BHD  
MENGENAI KEJAYAAN PELAJAR KELAINAN UPAYA MENGHIDAP  
彭延毅，人名  
PENYAKIT DISLEKSIA**

**MUHAMMAD ARZAN HALIF BIN NASIR  
(2019649604)  
PUTRI FATIN FAZERA BINTI ROSLEE  
(2019665634)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
SEMESTER NOVEMBER 2022 – FEBRUARI 2023**

# **Isi Kandungan**

<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>3</b>
<b>SENARAI SINGKATAN .....</b>	<b>4</b>
<b>BIODATA PENEMUBUAL 1.....</b>	<b>5</b>
<b>BIODATA PENEMUBUAL 2.....</b>	<b>6</b>
<b>BIODATA TEMUBUAL.....</b>	<b>7</b>
<b>PENGENALAN .....</b>	<b>8</b>
<b>KAJIAN LITERATUR .....</b>	<b>10</b>
<b>TRANSKRIP TEMUBUAL .....</b>	<b>11</b>
<b>RALAT .....</b>	<b>22</b>
<b>RINGKASAN TEMUBUAL TOKOH .....</b>	<b>23</b>
<b>LOG TEMUBUAL .....</b>	<b>25</b>
<b>KESIMPULAN.....</b>	<b>27</b>
<b>INDEKS.....</b>	<b>28</b>
<b>RUJUKAN.....</b>	<b>29</b>
<b>LAMPIRAN .....</b>	<b>30</b>
<b>BIOGRAFI TOKOH .....</b>	<b>30</b>
<b>BIOGRAFI KEBENARAN.....</b>	<b>31</b>
<b>SURAT PERJANJIAN .....</b>	<b>32</b>
<b>SENARAI SOALAN BERSAMA TEMUBUAL .....</b>	<b>33</b>
<b>DIARI PENYELIDIKAN.....</b>	<b>38</b>
<b>LAMPIRAN .....</b>	<b>40</b>

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu puji dan syukur kepada Allah, di atas berkat yang diberikan kepada kami dalam menyiapkan tugasan ini dan kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah (IMR604) iaitu Encik Mohd Nazir Bin Ahmad yang telah memberikan ilmu dan membimbing kami sepanjang menyiapkan tugasan ini.

Selain itu, kami berterima kasih kepada ibu bapa kami di atas sokongan dan galakkan yang diberikan kepada kami dalam menyempurnakan tugasan ini. Seterusnya, tidak lupa juga kami ucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Shahkir Idzham bin Roslee yang terlibat kerana bekerjasama dengan kami dalam menyiap kantugasan ini. Sesungguhnya kerjasama yang diberikan oleh pihak Encik Shahkir amat kami hargai.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membantu secara langsung dan tidak langsung. Sekian terima kasih.

## **SENARAI SINGKATAN**

**IJN** – Institut Jantung Negara

/ - Atau

## **BIODATA PENEMUBUAL 1**



Nama Penuh	Muhammad Arzan Halif Bin Nasir
Alamat	Endah Villa Condo Sri Petaling
No Telefon	011 2100 5202
Email	<a href="mailto:arzanhalif95@gmail.com">arzanhalif95@gmail.com</a>
Program	Izajah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat

## BIODATA PENEMUBUAL 2



Nama Penuh	Putri Fatin Fazera Binti Roslee
Alamat	Taman Putra Perdana, 47130 Puchong Selangor
No Telefon	017 351 2070
Email	<a href="mailto:putrifatinfazera@gmail.com">putrifatinfazera@gmail.com</a>
Program	Izajah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat

## BIODATA TEMUBUAL



Nama Penuh	Shahkir Idzham Bin Roslee
Tarikh Lahir	980507-14-5345
Tempat Lahir	Hospital Bersalin Kuala Lumpur
Alamat	Kampung Pulau Meranti, 47120 Puchong, Selangor
No Tel	011 2625 8254
Email	shahkir62@gmail.com
Profesion	Mekanik
Bidang	Automotif

## PENGENALAN

Dalam era teknologi maklumat serta zaman siber dunia tanpa sempadan, setiap individu dalam masyarakat berusaha dan berlumba-lumba untuk mengguna dan mengaplikasikan kemudahan dan peralatan canggih yang ada dalam persekitaran mereka. Namun begitu, kemudahan ini besar kemungkinannya kurang bermanfaat kepada individu yang menghadapi masalah pembelajaran khususnya masalah membaca, menulis dan mengira (3M). Secara ringkasnya dapatlah dikatakan bahawa kemahiran 3M adalah sangat penting biarpun betapa canggihnya sesuatu zaman itu. Oleh yang demikian, dalam konteks pendidikan, Ott (1997) menyatakan bahawa kemahiran-kemahiran asas (membaca, menulis dan mengira) adalah penting untuk dikuasai oleh setiap individu pelajar bagi membolehkan mereka mendapat kebaikan daripada setiap komponen dalam kurikulum pembelajaran di sekolah yang disediakan untuk mereka.

Sekiranya kemahiran asas ini masih belum berkembang sepenuhnya dalam diri pelajar, satu bentuk program pemulihan adalah amat perlu disediakan untuk membantu setiap pelajar yang mempunyai masalah ini. Pendidikan pemulihan telah dilaksanakan di negara ini sejak beberapa dekad yang lalu, iaitu sejak daripada awal 1970an lagi. Namun, apa yang menjadi kerungsingan dan tanda tanya kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab ialah hasil dapatan beberapa kajian yang menunjukkan bahawa masih terdapat ramai murid, termasuk murid lepasan program pemulihan, yang mengalami masalah dalam menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M).

Statistik Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2001, menerusi Unit Bahagian Sekolahnya, menunjukkan seramai 115,377 orang murid sekolah rendah di seluruh Malaysia menghadapi masalah pembelajaran dan tidak dapat menguasai kemahiran asas 3M. Kajian oleh penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia pada tahun 1993 pula mendapati 12.6 peratus daripada 20000 orang murid tahun 1-3 di sekolah biasa menghadapi masalah pembelajaran (Amin Salleh, Mahiran Abu Amin & Faridah Abu Hassan, 2002). Dewasa ini masalah murid-murid yang mempunyai masalah pembelajaran di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah mula mendapat perhatian serius dari para pendidik dan ibu bapa di negara kita.

Persoalan dan isu seperti aktor-faktor yang menyebabkan murid-murid ini ketinggalan dalam pelajaran mereka dan kaedah terbaik untuk menolong mereka sering dibincangkan dalam banyak seminar, forum dan persidangan mengenai pendidikan. Hasil daripada perbincangan-perbincangan ini terdapat suara yang meminta supaya tindakan pemulihan yang efektif

diwujudkan untuk mengatasi masalah murid-murid bermasalah pembelajaran supaya keupayaan dan bakat mereka boleh ditingkatkan. Dengan cara ini impian pelbagai pihak untuk membantu mereka yang mempunyai masalah pembelajaran dapat direalisasikan. Pengajaran pemulihan nampaknya sudah mula diberi perhatian yang khusus dalam proses pengajaran di sekolah.

Pengendalian dan pelaksanaan program pemulihan adalah sesuatu yang begitu mencabar terutamanya kepada para guru. Mereka menempuh pelbagai cabaran untuk mendidik murid-murid dalam program pemulihan mereka yang sering kali memiliki masalah pembelajaran yang berbeza. Kehadiran murid-murid yang mempunyai masalah disleksia dalam bilik darjah mereka sudah tentu menambah lagi beban dan kesukaran kepada guru-guru tersebut untuk melaksanakan pengajaran yang efektif.

Secara dasarnya, penyakit Disleksia ini mempunyai keistimewaan, di antara orang-orang ternama yang mengalami Disleksia termasuklah ahli politik (Lee Kuan Yew), pelakon (Whoopi Goldberg), artis (Leonardo da Vinci) dan saintis (Albert Einstein). Seterusnya, ada di antara mereka mempunyai daya imaginasi tinggi, amat kreatif dan mampu berfikir dari pelbagai sudut atau dimensi, mereka juga bijak dengan kemahiran tangan atau sukan.

Oleh itu, kami berhubung dengan Encik Shahkir idzham untuk mengetahui strategi yang digunakan dalam menuju kejayaan dalam menangani masalah membaca di dalam kalangan pelajar disleksia. Seterusnya, kajian ini menggunakan teori pemulihan dan kemahiran yang digunakan dengan menekankan dalam mengatasi masalah dalam aspek bacaan kemahiran dalam memupuk kejayaan dalam usia yang muda.

## **KAJIAN LITERATUR**

Gejala fizikal yang dapat dikesan untuk mengenal pasti pesakit disleksia ialah antaranya pesakit mengalami kesukaran untuk membaca. Mereka sebenarnya mengalami masalah mengenal pasti fonema iaitu unit terkecil dalam sistem bahasa. Pesakit akan keliru dengan perkataan yang bunyinya hampir sama seperti “volcano” dengan “tornado”. Apabila ditunjukkan gambar “volcano”, mereka mungkin menyebutnya sebagai “tornado”. Sebenarnya mereka tahu apakah objek itu tetapi mereka tidak dapat menyebut perkataan yang tepat untuk objek tersebut.

Walaupun disleksia merupakan suatu masalah pembelajaran, guru dan pihak sekolah seharusnya mengambil tanggungjawab yang sewajarnya agar mereka ini tidak akan ketinggalan dan diberi peluang untuk belajar. Pihak sekolah seharusnya menganalisa para pelajar mereka dari peringkat awal lagi untuk mengenal pasti siapa yang menghidapi disleksia dan menyediakan program-program yang sepatutnya. Pihak sekolah juga boleh membantu kanak-kanak disleksia ini dengan memberikan masa menjawab peperiksaan yang lebih panjang berbanding kanak-kanak lain kerana pesakit disleksia mengambil masa yang lama untuk membaca soalan dan menjawab soalan peperiksaan (Kuwana, 2009).

Oleh kerana disleksia merupakan suatu masalah pembelajaran, mereka tidaklah ditutup peluangnya untuk menimba ilmu pengetahuan. Mereka perlu diberi ruang dan peluang agar dapat menonjolkan diri mereka. Individu-individu yang menghidapi masalah ini merupakan seorang yang sangat cemerlang dalam penyelesaian masalah (problem solving), pemikiran kritikal (critical thinking) dan perbendaharaan kata. Mereka juga cemerlang dalam bidang arkitek, kejuruteraan, sains, seni dan muzik (Kuwana,2009).

Sejarah telah membuktikan bahawa dunia ini sendiri maju dari banyak aspek kerana hasil usaha individu-individu yang menghidapi disleksia seperti Leonardo da Vinci, Michelangelo, Albert Einstein, Thomas Edison, Walt Disney, Will Smith, Orlando Bloom, Tom Cruise, Bruce Jenner, Greg Louganis, Cher dan lain-lain.

Oleh itu, dapat dilihat dengan penelitian, kejayaan seseorang itu perlu mendapatkan sokongan yang kuat oleh pihak terdekat seperti ibubapa, guru-guru dan rakan rakan untuk memberi sokongan. Golongan ini perlu mendorong dengan minat mereka agar dapat melahirkan insan yang berjaya dan mengharumkan nama negara Malaysia.

## **TRANSKRIP TEMUBUAL**

**PF: Boleh ceritakan tentang latar belakang Encik?**

SI: Saya shahkir idzham, berumur 23 tahun dan telah membuka sebuah bengkel hasil daripada kerjayaan dan sokongan keluarga saya. Saya mempunyai penyakit hyperactive dan disleksia sejak saya lahir.

**PF: Bilakah Tarikh lahir Encik?**

SI: 13/5/1998

**PF: Apakah ciri-ciri penyakit disleksia ini ?**

SI: Gagal menguasai tugasaran sekolah seperti membaca, menulis, mengeja atau mengira.

**PF: Apakah tindakkan yang encik bila mengetahui encik menghidap penyakit ini**

SI: : Saya dihantar ke kelas pendidikan khas yang berasingan dengan pelajar lain. Dan kedua ibubapa saya telah mendapatkan rawatan doktor pakar tentang penyakit saya.

**PF: Bilakah Encik mengetahui tentang penyakit ini**

SI: Pada masa tu saya kecil lagi dalam berumur 9 tahun, ibu bapa saya telah mengetahui saya mempunyai penyakit ini, apabila saya mempunyai masalah pembelajaran di sekolah, saya tidak tahu membaca, menulis dan cara percakapan saya tidak teratur seperti kanak2 lain.

**PF: Apakah Encik mempunyai penyakit lain ?**

SI: Ya, ada. Saya juga menghidap penyakit jantung, saluran jantung tersumbat. Saya tidak boleh bekerja keras atau lakukan aktiviti lasak. Dan masa kecil saya menghidap penyakit hyperactive juga.

**PF: Adakah encik masih dalam rawatan susulan?**

SI: ya. Saya masih lagi mendapatkan rawatan di Hospital IJN

**PF: Adakah Encik mengambil ubat untuk mengawal penyakit ini ?**

SI: Ya, saya mengambil ubat cair darah, jantung, kolestrol. Untuk penyakit dikleksia tiada ubat dan untuk hyperactive, saya makan ubat semasa kecil sehingga saya berumur 14 tahun sahaja, sebab saya boleh kawal dan telah berhenti mengambil ubat hyperactive.

**PF: Bagaimana encik teruskan kehidupan setelah mengetahui encik menghidap penyakit ini ?**

SI: untuk penyakit jantung saya sangat sedih, sbb saya masih muda dan perlu menahan sakit, tetapi dengan kemahiran yang saya ada, saya tak putus asa, saya menggunakan nya dengan sebaik mungkin, dan berkongsi kemahiran saya pada rakan2 saya

**PF: Adakah encik mendapat dana atau bantuan?**

SI: tiada, tetapi saya mendapat surat jaminan dari veteran tentera kerana ayah saya bekas tentera. Jadi, veteran tentera membantu sy dalam pembayaran di hospital IJN.

**PF: Adakah encik mempunyai kelebihan lain?**

SI: minat saya pada asal nya ialah bangun electrik, jadi saya mahir dalam hardware komputer, dan saya mahir dalam enjine gearbox kereta

**PF: Bolehkah encik bercerita serba sedikit aktiviti anda dan keluarga pada waktu lapang?**

SI: saya akan berkumpul dengan keluarga, dan ceritakan pegalaman saya tentang kereta, ayah dan adik saya akan buka buka engine kereta untuk belajar benda baru.

**PF: Bagaimana encik menjaga kesihatan?**

SI: saya makan ubat seperti yang diarahkan oleh doktor, dan tidur dengan cukup

**PF: Bagaimana encik menjaga pemakanan?**

SI: makanan saya makan je, tanpa kawal tetapi saya kena makan dengan pelahan kerana saya susah nak telan makanan

**PF: Bagaimana encik membahagikan masa di antara keluarga dan kerjaya?**

SI: selepas balik kerja, saya akan singgah dirumah ibu bapa saya, sbb bengkel saya dengan rmh keluarga saya dekat.

**PF: Adakah encik mempunyai bakat tersendiri ?**

SI: ya. Saya boleh ingat setiap skru, atau barang2 kecil dalam kereta dengan mudah. Saya boleh buka dan pasang gear box dalam masa kurang dari 3 jam

**PF: Bagaimana encik mengetahui encik mempunyai bakat tersendiri?**

SI: minat saya dari kecil bukan permainan, tetapi skru, barang elektrik, seperti lampu kipas. Saya suka buka sesuatu barang electric dan mula mengkaji

**PF: Siapakah nama Ibu Bapa Encik ?**

SI: ibu saya dan ayah saya roslee bin hamid

**PF: Apakah pekerjaan Ibu dan Bapa Encik?**

SI: ibu saya tidak bekerja, dan ayah saya penced askar.

**PF: Berapakah bilangan adik beradik?**

SI: 5 orang

**PF: Encik anak yang ke berapa?**

SI: saya anak ke-4

**PF: Hubungan Encik dengan ibu dan bapa?**

SI: saya sangat rapat dengan ibu dan ayah saya.

**PF: Bagaimana pula hubungan Encik dengan adik beradik?**

SI: saya juga rapat dengan adik beradik saya, lagi lagi adik lelaki saya sbb dia bantu sy dalam menguruskan bengkel

**PF: Berapakah status encik ?**

SI: saya masih bujang, dan akan tamatkan zaman bujang saya pada tahun depan.  
Insyallah

**PF: Adakah adik beradik encik ada yang mempunyai penyakit yang sama ?**

SI: tidak, hanya saya seorang sahaja.

**PF: Apakah sokongan keluarga encik ?**

SI: ayah saya telah hantar saya ke giatmara untuk saya tingkatkan kemahiran saya, dan ibu saya telah menghantar saya ke kelas khas disleksia. Adik saya membantu saya dalam pengurusan saya dalam segi buka kereta

**PF: Adakah minat encik ini dibantu oleh keluarga ?**

SI: ya. Mereka menghantar saya ke kelas pembelajaran dan beri saya peluang untuk belajar sendiri dalam membuka pasang kereta, ayah mengajar n memperkenalkan segala alatan yang perlu ada (orang panggil basic) sbb saya tidak mahir dalam term atau nama peralatan atau barang, tetapi saya tahu bagaimana nk buat sesuatu. kemudian ibubapa saya hantar saya ke giatmara

**PF: Dimanakah sekolah encik ?**

SI: sepanjang saya belajar, saya sekolah di sk taman putra perdana, kawasan rumah saya tetapi berada di dalam kelas pendidikan khas, kemudian saya telah dihantar ke sekolah disleksia. Apabila sekolah menengah, sy ke sekolah menengah taman putra perdana di kelas khas juga, sampai tingkatan 3, sy masuk giatmara

**PF: Adakah sekolah itu khas untuk penyakit encik ?**

SI: tak semua sekolah, hanya satu je yang khas, yang lain campur campur dengan pelajar lain atau kelas khas untuk kelainan upaya

**PF: Adakah encik mengambil pelajaran sama seperti pelajar biasa ?**

SI: tidak. Sebab sy tidak minat membaca n belajar. Kebanyakkan tengok gambar untuk mengenal sesuatu

**PF: Apakah pendidikan encik pelajari ?**

SI: di sekolah rendah dan menengah, kebanyakkan pelajaran yang diajar, seperti konsep perniagaa, buat roti, mewarna, melukis, pergi ke taman taman

**PF: Adakah encik menyertai kelas yang khas ?**

SI: ya, sekolah khas disleksia. hanya satu sahaja, di sekolah khas disleksia, di jalan ampang. Yang lain sekolah biasa dan kemahiran

**PF: Bagaimanakah pelajaran encik semasa menjadi pelajar?**

SI: untuk mengenal sesuatu, saya lebih kepada melihat gambar

**PF: Bagaimana encik boleh mencaburi bidang kemahiran ?**

SI: disebabkan ayah saya seorang bekas tentera semboyen, yang mempunyai kemahiran dalam bidang technical, jadi saya selalu tengok ayah dan mula belajar sendiri.

**PF: Berapa tahun perjalanan encik dalam pelajaran ?**

SI: dalam 11 tahun, termasuk kemahiran

**PF: Bagaimana rakan-rakan encik semasa didalam kelas pelajaran ?**

SI: mereka baik tetapi peyakit mereka berbeza dengan dengan saya, ada yang pandai membaca tetapi hyperactive, ada yang tidak tahu bercakap, dan mcm macam lagi

**PF: Adakah encik boleh fokus dalam pelajaran ?**

SI: ya, di sebabkan pembelajaran saya tidak melibatkan menulis dan membaca

**PF: Berapa tahun encik menyertai kelas pendidikan khas ?**

SI: 8 tahun dari sekolah rendah sehingga sekolah menengah

**PF: Adakah encik boleh membaca ?**

SI: sekarang ya, sikit sikit. Ada perkataan atau ejaan yang saya kurang tahu mcm ayat ayat yang panjang dan susah disebut.

**PF: Bagaimana encik berkomunikasi dengan rakan-rakan atau keluarga ?**

SI: macam orang lain juga, sama. Cuma ada beberapa perkataan yang saya tidak pandai sebut dan ssh untuk saya faham. Orang sekeliling saya perlu menggunakan perkataan mudah dan ringkas untuk sy faham

**PF: Apakah pendidikan atau motivasi yang telah diberi semasa encik belajar?**

SI: bermula boleh membawa kerjayaan untuk saya, sebab dari sekolah sy telah diajar menjual roti, biskut, dan mendapat untung. Jadi saya menggunakan kemahiran saya untuk menceburi dalam bidang perniagaan

**PF: Siapakah yang banyak membantu encik dalam pelajaran?**

SI: cikgu-cikgu saya, mereka banyak ajar saya dalam belajar.

**PF: Apakah subjek kegemaran encik semasa belajar ?**

SI: kelas pendidikan khas tiada subjek. Tetapi dalam pelajaran yang saya belajar, tidak ada yang saya minat, saya Cuma minat bila bersama dan bermain dengan rakan rakan kelas sahaja

**PF: Mengapakah encik memilih Giatmara ?**

SI: ibubapa saya yang menghantar saya, setelah ayah saya tengok saya boleh buka dan pasang engine sendiri

**PF: Apakah pelajaran yang diajar di Giatmara?**

SI: kemahiran membuka, peralatan kereta

**PF: Bagaimana latihan atau kemahiran yang diajar ?**

SI: giatmara ajar dengan praktikal tanpa tengok buku. Pegang tool yang ada

**PF: Mengapakah encik menamatkan pelajaran di Giatmara ?**

SI: semasa saya berumur 16 tahun, saya boleh rasa sudah taknak pergi ke giatmara, sebab saya sudah tahu apa yang diajar, sebelum cikgu ajar saya sudah tahu. Dan saya telah dapat sijil ke 3 di giatmara.

**PF: Berapakah usia encik boleh membaca dengan lancar ?**

SI: 15 tahun

**PF: Bagaimana encik meminati kemahiran dalam automotif ?**

SI: saya sememangnya dilahirkan dengan meminati barang electric, saya tidak bermain permainan kanak2, tetapi saya suka buka barang2 electik, tabahan dengan sokongan keluarga saya.

**PF: Apakah kerjaya awal encik ketika melangkah ke alam pekerjaan?**

SI: Saya pernah bekerja sambilan selepas tamat belajar di giatmara, saya bekerja dengan orang di bengkel kereta. Semua benda saya buat sendiri, saya seorang sahaja pekerja mereka. Kejayaan saya, boleh siapkan sekurang2 nya 2 kereta dalam satu hari.

**PF: Bagaimanakah encik boleh terlibat dengan pekerjaan tersebut?**

SI: sebelum saya nak buka bengkel sendiri, saya perlu bekerja dengan orang lain, untuk melihat bagaimana mereka bangunkan peniagaan

**PF: Apakah cabaran terbesar yang pernah anda hadapi semasa bekerja?**

SI: orang mempergunakan kemahiran saya, tambahan saya tidak pandai membaca. Saya dibayar dengan gaji yang rendah dan hanya saya seorang sahaja yang bekerja.

**PF: Bagaimanakah anda mengatasinya?**

SI: saya berhenti bekerja, dan memulakan perniagaan sendiri, dengan duit gaji yang saya kumpul dan bantuan daripada keluarga saya

**PF: Bagaimakah keadaan encik apabila bekerja di bawah tekanan?**

SI: saya pengsan disebabkan saya ada penyakit jantung, saya terlalu penat. Dalam seminggu lebih 3 kali saya pengsan di tempat kerja

**PF: Apakah respond majikan tentang penglibatan anda?**

SI: beri saya rehat dan saya hanya perlu siapkan kereta yang rosak dengan segera

**PF: Apakah tindakan majikan dalam memberi sokongan kepada anda?**

SI: berikan saya motivasi, yang sy perlu kuat untuk terus kan hidup dan menunjukkan bakat yang saya ada

**PF: Adakah ianya memainkan peranan yang besar dalam meneruskan minat anda?**

SI: ya! Walaupun saya penat, dan tak larat tetapi saya masih ada keluarga, yang banyak membantu saya. Jadi, sy perlu tunjukkan yang saya mampu

**PF: Berapa kali encik menukar pekerjaan ?**

SI: hanya dua kali.

**PF: Boleh ceritakan pengalaman encik semasa menjadi pekerja ?**

SI: pada mulanya, saya kenal dengan seorang rakan yang nak buka bengkel, tetapi takde skill, beliau offer saya bekerja dan menjadi rakan kongsi dalam perniagaa, tetapi semua kerja dan segala pengurusan bengel tu saya yang buat, dan dia tak ambil pekerja lain untuk bantu saya bekerja. di sebabkan itu, saya ramai kenal pelanggan dan sy ada pelanggan tetap. makin hari saya mula kepenatan & sakit2, badan saya tak larat nak buat semua. saya hanya bertahan 8 bulan sahaja. semasa bekerja, saya mula buat simpanan untuk buka bengkel sendiri.

**PF: Bagaimana encik membuka perusahaan sendiri ?**

SI: hasil dari simpanan saya dan bantuan keluarga saya. Saya juga ada tolong2 orang di tepi jalan, atau orang call untuk betulkan kereta mereka. Saya juga mempunyai motor yang membawa spare part kereta, saya akan bawa motor tu jika ada panggilan kecemasan, dengan hasil duit tu saya simpan. Kemudian saya buka bengkel sendiri dengan niat saya akan mengajar pekerja saya skill yang saya ada.

**PF: Adakah encik pernah mendapat penaja ?**

SI: tidak. Semuanya usaha sendiri.

**PF: Adakah encik pernah mendapat mana mana tawaran dari pihak kerajaan atau badan bukan kerajaan ?**

SI: ada, semasa saya bekerja part time di litar sepang, ada seorang Mat salleh dari canada. Offer saya bekerja dengan beliau di negaranya.

**PF: Adakah encik mengambil tawaran tersebut ?**

SI: tak

**PF: Mengapakah encik menolak semua tawaran ?**

SI: keluarga saya halang disebabkan saya masih muda dan perlukan rawatan susulan

**PF: Adakah penyakit encik menganggu kejayaan encik ?**

SI: tidak, hanya saya perlu kawal dan jangan terlalu penat.

**PF: Apakah cabaran encik dalam menghadapi penyakit kronik ?**

SI: saya tidak boleh bekerja masa dulu, saya hanya boleh cakap dan pekerja saya yang akan buat. Disebabkan saya tak larat nak angkat buka kereta dengan sendiri

**PF: Bagaimana encik bergiat aktif melawan penyakit encik ?**

SI: saya makan ubat. Dan pada bulan 3 tahun depan saya ada menjalani operation jantung

**PF: Apakah cabaran terbesar encik dalam membuka bengkil ?**

SI: tahun lepas semasa banjir. Bengkel saya 2 kali tengelam kena banjir, semua perlatan rosak dan lebih 12 biji kereta customer saya tengelam air banjir

**PF: Apakah cabaran encik ketika operasi perniagaan encik berjalan ?**

SI: kurangnya pekerja. Disebabkan kereta yang masuk makin banyak, saya tak cukup main power

**PF: Bagaimana encik mengatasi cabaran tersebut?**

SI: saya hubungi cikgu saya di giatmara, untuk minta bantuan pelajar practical untuk belajar sambil bekerja di bengkel saya

**PF: Bagaimana dengan kos perubatan encik ?**

SI: saya sendiri pun tak mampu nk kira. Banyak juga sebab saya kerap masuk hospital.

**PF: Adakah tuan pernah menyertai pertandingan dalam bidang automotif ?**

SI: semasa saya menjadi pelajar di giatmara, saya telah mencaburi pertandingan wakil giatmara untuk perlawanan autootive malaysia dan mendapat tempat pertama

**PF: Berapa pantas encik membuka enjin kereta ?**

SI: 3 jam buka dan pasang

**PF: Adakah encik pernah menyertai pertandingan dalam bidang automotif?**

SI: Pernah, pertandingan di kedah

**PF: Perasaan kali pertama mewakili negeri?**

SI: sangat gembira, lebih2 lagi semasa pertandingan, keluarga saya datang beri sokongan

**PF: Rekod kebangsaan yang diperoleh?**

SI: 2 kali

**PF: Adakah rekod itu masih kekal atau sudah dapat diatasi?**

SI: Buat masa sekarang, perlawan antara pelajar giatmara tiada lagi.

**PF: Perasaan kali pertama mewakili giatmara?**

SI: Takut juga, sebab cikgu2 saya beri harapan dekat saya

**PF: Dimanakah acara itu diadakan?**

SI: Kedah dan Thailand

**PF: Perasaan apabila memenangi kejayaan itu?**

SI: Sangat gembira, tetapi saya mula letih dan penat

**PF: Boleh ceritakan peristiwa tersebut?**

SI: seramai 16 orang wakil, hanya 3 pemenang dan saya dapat no1. pertandingan tu tak boleh ada sesiapa tolong dan ramai orang beri sokongan dari luar. Masih ingat lagi,

saya kepenatan semasa angkat gearbox, tapi ibubapa saya, adik beradik dan cikgu saya beri sokongan, saya sempat siapkan dalam 2jam 45 min dan berbaki 15min.

**PF: Siapakah yang menyertai pertandingan itu?**

SI: ramai, antara wakil2 dari pelajar voke, sekolah teknik dan banyak lagi sekolah2 kemahiran

**PF: Apakah pencapaian terbaik encik sepanjang menjadi pelajar automotif?**

SI: memenagi pelawanan buka engin dengan pantas dan tepat dengan masa singkat

**PF: Bilakah kali terakhir encik menyertai pertandingan?**

SI: semasa saya berumur 16 tahun

**PF: Bilakah encik membuka perusahaan sendiri ?**

SI: tiga tahun lepas pada tahun 2019

**PF: Kenangan manis semasa membuka perniagaan ?**

SI: cikgu2 saya datang melawat kedai saya, dan membawa pelajar2 giatmara. Menjadikan saya sebagai pelajar yang berjaya

**PF: Adakah pelajaran semasa belajar berkait rapat dengan kejayaan encik sekarang ?**

SI: Ya

**PF: Apakah kejayaan yang diperolehi semasa menjalankan perniagaan ?**

SI: customer makin bertambah, dan customer saya semasa sy menjadi pekerja dulu cari saya untuk buat kereta mereka

**PF: Adakah encik mempunyai pelanggan tetap ?**

SI: ya. Alhamdulillah ramai

**PF: Bagaimana encik mengambahkan perniagaan encik ?**

SI: saya menggunakan media sosial seperti facebook, instagram. Dan rakan2 saya ramai promosikan bengkel saya

**PF: Bagaimana encik promosi bengkel encik ?**

SI: saya memasuki perlawanan di litar sepang dengan membawa nama SR62 auto. Kereta paling laju.

**PF: Apakah yang memberikan encik semangat dalam usaha ini ?**

SI: saya melihat hasilnya, pelanggan makin ramai dan ramai mengenali saya

**PF: Berapa ramai pekerja encik ?**

SI: 3 orang dan 4 orang pelajar practical

**PF: Apakah bimbingan encik kepada pekerja encik ?**

SI: saya akan tengok satu persatu hasil kerja mereka, dan sy kerap terangkan apa yang silap. Selalunya, saya akan tunjuk mereka akan buat. Sambil-sambil saya akan tengkan fungsi-fungsi nya

**PF: Apakah kekuatan diri encik ?**

SI: kemahiran yang saya ada tapi tiada dekat orang lain, dan ahli keluarga saya

**PF: Apakah kelemahan yang encik hadapi ?**

SI: melawan penyakit saya

**PF: Apakah perancangan encik dimasa depan ?**

SI: saya nak buka bengkel motor.

**PF: Bagaimana ahli keluarga dapat memainkan peranan untuk memupuk minat encik ?**

SI: mereka sering kujung dibengkel saya dan berikan kata2 semangat untuk saya

**PF: Apakah nasihat encik kepada masyarakat tentang penyakit encik ?**

SI: mereka sering kujung dibengkel saya dan berikan kata2 semangat untuk saya

**PF: Apakah harapan dalam kehidupan encik ?**

SI: saya dapat sembuh dari penyakit saya

## **RALAT**

Semasa sesi temubual dijalankan terdapat ralat yang berlaku antaranya suara bergemar di pihak temubual, namun ia tidak menjaskan proses temubual, Cuma bunyi itu terakam sekali ke dalam audio. Selain itu, berlaku masalah seperti suara tidak jelas.

## RINGKASAN TEMUBUAL TOKOH

Pada 9 Disember 2022 bersamaan hari Isnin menerusi aplikasi persidangan video Goolge Meet Muhammad Arzan Halif Bin Nasir Dan Putri Fatin Fazera Binti Roslee sebagai penyelidik telah berjaya menjalankan sesi temubual sejarah lisan bersama Guru Besar SK Sri Serdang iaitu Encik Md Nasri Bin Supian. Temubual ini berlangsung pada jam 8 malam dan berjalan lebih kurang sejam sahaja.

Pada bahagian pertama, temubual memulakan sesi temubual dengan soalan mengenai latar belakang Encik Shahkir Idzham serta latar belakang keluarga. Beliau telah berkongsi serba sedikit mengenai dirinya untuk kami kenali beliau dengan lebih dekat serta dapat menjadikan sesi ini lebih mudah. Beliau seorang yang hiperaktif dan meghidapi disleksia sejak lahir. Disebabkan gagal menguasai tugasan sekolah seperti membaca, menulis, mengeja atau mengira. Beliau dihantar ke kelas pendidikan khas yang berasingan dengan pelajar lain. Oleh disebabkan itu, sejak berusia 9 tahun lagi kedua ibubapanya telah mendapatkan rawatan doktor pakar untuk mengetahui tentang tahap kesihatannya. Penyakit ini menyebabkan masalah pembelajaran di sekolah, seperti tidak tahu membaca, menulis serta cara percakapan beliau tidak teratur seperti kanak-kanak lain.

Kemudian, sesi temubual diteruskan dengan soalan umum yang meliputi kerjaya awal serta kerjayaan dalam bidang pendidikan. Beliau menceritakan serba sedikit mengenai pengalaman beliau ketika mula menatap di bidang ini. Beliau mempunyai minat dan berkemahiran dalam membaiki perkakasan elektrik dan juga komputer. Lebih hebat lagi beliau mahir dalam membaiki kenderaan seperti gearbox kereta dan sebagainya. Mempunyai kelebihan dalam menghafal setiap langkah dan cara membuka enjin kereta serta mampu memasang kembali dengan sempurna dalam kurang tempoh 3 jam sahaja. Beliau ditempatkan di dalam kelas pendidikan khas, dan meneruskan pembelajaran di sekolah khas disleksia di jalan ampang ia satu satunya sekolah disleksia di Malaysia

Seterusnya, sesi temubual ini diteruskan lagi dengan soalan khusus dimana soalan-soalan seperti memulakan perniagaannya sendiri, dengan duit gaji yang dikumpul dan banencik

daripada keluarga beliau. Pada permulaan perjalanan perniagaan beliau bersama seorang rakan untuk membuka sebuah bengkel sebagai rakan kongsi dalam perniagaan, tetapi semua kerja dan segala pengurusan bengkel dilakukan oleh beliau, manakala rakan kongsi beliau seperti melepaskan batuk di tangga terutamanya membantu beliau menguruskan perniagaan.

## LOG TEMUBUAL

<b>MASA</b>	<b>RINGKASAN</b>	<b>CATATAN</b>
10:00:30	Nama tokoh	Shahkir Idzhm bin Roslee
10:00:55	Tarikh lahir tokoh	13/5/1998
10:01:15	Ciri-ciri penyakit disleksia	Gagal menguasai tugas sekolah seperti membaca, menulis, mengeja atau mengira.
10:09:25	Nama ibu ayah tokoh	dan Roslee Bin Hamid
10:10:34	Status tokoh	Bujang
10:12:30	Sejarah Pendidikan tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• SK Taman Putra Perdana</li> <li>• Sekolah Pendidikan Khas Disleksia</li> <li>• SMK Taman Putra Perdana</li> </ul>
10:14:01	Pendidikan yang dipelajari	kONSEP perniagaa, buat roti, mewarna, melukis, pergi ke taman taman
10:15:26	Perjalanan dalam pelajaran	11 tahun
10:18:50	Pelajaran yang diajar di Giatmara?	kemahiran membuka, peralatan kereta
10:20:24	Kerjaya awal tuan ketika melangkah ke alam pekerjaan	Pernah bekerja sambilan selepas tamat belajar di giatmara, saya bekerja dengan orang di bengkel kereta. Semua benda saya buat sendiri, saya seorang sahaja pekerja mereka. Kejayaan saya, boleh siapkan sekurang2 nya 2 kereta dalam satu hari.
10:21:49	Cabarannya tuan dalam menghadapi penyakit kronik	hanya boleh cakap dan pekerja saya yang akan buat.

10:33:58	kejayaan yang diperolehi semasa menjalankan perniagaan	Pelanggan makin bertambah,
10:35:32	Berapa ramai pekerja	3 orang dan 4 orang pelajar praktikal
10:36:05	kekuatan diri	kemahiran yang ada, dan ahli keluarga saya
10:36:41	Perancangan masa depan	Buka bengkel motor
10:37:40	Harapan dalam kehidupan	Sembuh dari penyakit

## **KESIMPULAN**

Tuntasnya, golongan disleksia bukan seorang yang lemah dan tidak berjaya. Mereka hanya perlukan sokongan dan perhatian yang lebih supaya mereka dapat memahami pelajaran dengan baik. Oleh sebab itu, antara inisiatif yang boleh digunakan untuk membantu golongan disleskia ialah dengan memahami dan mengenal pasti jenis masalah yang dihadapi oleh mereka semasa proses pembelajaran berlangsung. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan yang penting dengan mempelbagaikan gaya pengajaran supaya proses pembelajaran menjadi seronok dan efektif.

## INDEKS

A

Acara

Automotif

K

Khas

D

Disleksia

M

Membaca

Mengira

G

Giatmara

P

Pendidikan

J

Jantung

## **RUJUKAN**

Ramasamy, Rajesvari. (2008). Masalah Disleksia Dalam Kalangan Murid-Murid Pemulihan Di Sekolah Rendah, Pulau Pinang [LB1050.5. R161 2008 f rb]  
[https://www.researchgate.net/publication/277256656\\_Masalah\\_Disleksia\\_Dalam\\_Kalangan\\_Murid-Murid\\_Pemulihan\\_Di\\_Sekolah\\_Rendah\\_Pulau\\_Pinang\\_LB10505\\_R161\\_2008\\_f\\_rb](https://www.researchgate.net/publication/277256656_Masalah_Disleksia_Dalam_Kalangan_Murid-Murid_Pemulihan_Di_Sekolah_Rendah_Pulau_Pinang_LB10505_R161_2008_f_rb)

Busri, A., & Wan Mohammad, W. (2021). Strategi Pengajaran Guru Bahasa Melayu Dalam Menangani Masalah Bacaan Dalam Kalangan Murid Disleksia di Sekolah Rendah Pedalaman Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 618-627. Retrieved from <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/12957>

Syamira, Nur & Baharudin, Harun. (2021). Masalah Murid Disleksia dan Gaya Pengajaran Guru Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. 1. 26-44.  
[https://www.researchgate.net/publication/353339886\\_Masalah\\_Murid\\_Disleksia\\_dan\\_Gaya\\_Pengajaran\\_Guru\\_Dalam\\_Pembelajaran\\_Bahasa\\_Arab](https://www.researchgate.net/publication/353339886_Masalah_Murid_Disleksia_dan_Gaya_Pengajaran_Guru_Dalam_Pembelajaran_Bahasa_Arab)

## **LAMPIRAN**

### **BIOGRAFI TOKOH**

Nama tokoh kajian ini ialah Shahkir Idzham, lahir pada tanggal 13 Mei 1998 yang berusia 23 tahun beliau sudah berjaya membuka bengkel kereta atas sokongan keluarga. Beliau seorang yang hiperaktif dan meghidapi disleksia sejak lahir. Disebabkan gagal menguasai tugasan sekolah seperti membaca, menulis, mengeja atau mengira. Beliau dihantar ke kelas pendidikan khas yang berasingan dengan pelajar lain. Oleh disebabkan itu, sejak berusia 9 tahun lagi kedua ibubapanya telah mendapatkan rawatan doktor pakar untuk mengetahui tentang tahap kesihatannya. Penyakit ini menyebabkan masalah pembelajaran di sekolah, seperti tidak tahu membaca, menulis serta cara percakapan beliau tidak teratur seperti kanak-kanak lain. Selain itu, beliau juga menghidap penyakit saluran jantung tersumbat. Disebabkan itu beliau tidak berupaya bekerja keras atau melakukan sebarang aktiviti lasak. Seterusnya, beliau mendapatkan rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) dan sentiasa mengambil ubat cair darah, jantung dan kolestrol manakala penyakit dikleksia dan hyperactive pula tiada ubat mahupun penawar. Namun begitu pengambilan ubat-ubatan ini diambil sehingga usia 14 tahun sahaja disebabkan beliau mampu mengawal penyakitnya tanpa banencik ubat sepenuhnya dan masih mendapatkan rawatan di IJN. Beliau masih bujang dan akan tamatkan zaman bujang pada tahun ini.

# BIOGRAFI KEBENARAN

www.uitm.edu.my



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Kolej  
Pengajian Pengkomputeran,  
Informatik dan Media

Surat Kami : 600-FPM (HEA 5/3)  
Tarikh : 30 November 2022

**SR Auto Sdn Bhd,  
Kampung Pulau Meranti,  
47100 Puchong,  
Selangor, Malaysia.**

Tuan,

## **MEMOHON KEBENARAN UNTUK MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana, Shah Alam memohon kebenaran untuk melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik dengan menemubual Pelajar Kelainan Upaya yang menghidap penyakit Disleksia dalam pencapaian membangunkan perusahaan.

3. Tugasan ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus "**Oral Documentation**" (IMR 604).

4. Senarai nama pelajar yang terlibat:-

NAMA	NO. PELAJAR UiTM	NO. TEL.
Muhammad Arzan Halif Bin Nasir	2019649604	0 11-2100 5202
Putri Fatin Fazera Binti Roslee	2019665634	017-351 2070

5. Untuk rujukan pihak Tuan, bersama-sama ini dilampirkan beberapa objektif temubual berkaitan projek penyelidikan ini.

6. Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak Tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,

**MOHD NAZIR BIN AHMAD**  
PENSYARAH KANAN/PENYELIA

b.p: Dekan

Fakulti Pengurusan Maklumat

NHMS/rd.

Kompleks Al-Khawarizmi  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
Tel: (+603) 5543 5329 Faks: (+603) 5543 5501



UITM

# SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ..... *Shahkir Idzham Bin Roslee* ..... K/P: ..... pada .....  
..... *9/12/2022* ..... dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....  
(Nama tokoh: Shahkir Idzham bin Roslee  
Tarikh: *9/12/2022*)

.....  
(Mohd Nazir Ahmad)  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

## **SENARAI SOALAN BERSAMA TEMUBUAL**

### A. Latar Belakang

1	Boleh ceritakan tentang latar belakang Encik?
2	Bilakah Tarikh lahir Encik?
3	apakah ciri-ciri penyakit disleksia ini ?
4	Apakah tindakkan yang encik bila mengetahui encik menghidap penyakit ini
5	Bilakah Encik mengetahui tentang penyakit ini
6	Apakah Encik menpunyai penyakit lain ?
7	Adakah encik masih dalam rawatan susulan
8	Adakah Encik mengambil ubat untuk mengawal penyakit ini ?
9	Bagaimana encik teruskan kehidupan setelah mengetahui encik menghidap penyakit ini ?
10	Adakah encik mendapat dana atau bantuan?
11	Adakah encik menpunyai kelebihan lain ?
12	Bolehkah encik bercerita serba sedikit aktiviti anda dan keluarga pada waktu lapang?
13	Bagaimana encik menjaga kesihatan?
14	Bagaimana encik menjaga pemakanan?
15	Bagaimana encik membahagikan masa di antara keluarga dan kerjaya?
16	Adakah encik mempunyai bakat tersendiri ?
17	Bagaimana encik mengetahui encik mempunyai bakat tersendiri?

### B. Latar Belakang Keluarga

18	Siapakah nama Ibu Bapa Encik ?
19	Apakah pekerjaan Ibu dan Bapa Encik?

20	Berapakah bilangan adik beradik?
21	Encik anak yang ke berapa?
22	Hubungan Encik dengan ibu dan bapa?
23	Bagaimana pula hubungan Encik dengan adik beradik?
24	Berapakah status encik ?
25	Adakah adik beradik encik ada yang mempunyai penyakit yang sama ?
26	Apakah sokongan keluarga encik ?
27	Adakah minat encik ini dibantu oleh keluarga ?

### C. Sejarah Pendidikan

28	Dimanakah sekolah encik ?
29	Adakah sekolah itu khas untuk penyakit encik ?
30	Adakah encik mengambil pelajaran sama seperti pelajar biasa ?
31	Apakah pendidikan encik pelajari ?
32	Adakah encik menyertai kelas yang khas ?
33	Bagaimanakah pelajaran encik semasa menjadi pelajar?
34	Bagaimana encik boleh mencaburi bidang kemahiran ?
35	Berapa tahun perjalanan encik dalam pelajaran ?
36	Bagaimana rakan-rakan encik semasa didalam kelas pelajaran ?
37	Adakah encik boleh fokus dalam pelajaran ?
38	Berapa tahun encik menyertai kelas pendidikan khas ?
39	Adakah encik boleh membaca ?
40	Bagaimana encik berkomunikasi dengan rakan-rakan atau keluarga ?
41	Apakah pendidikan atau motivasi yang telah diberi semasa encik belajar?
42	Siapakah yang banyak membantu encik dalam pelajaran?

43	Apakah subjek kegemaran encik semasa belajar ?
44	Mengapakah encik memilih Giatmara ?
45	Apakah pelajaran yang diajar di Giatmara?
46	Bagaimana latihan atau kemahiran yang diajar ?
47	Mengapakah encik menamatkan pelajaran di Giatmara ?

#### D. Kejayaan Awal

48	Berapakah usia encik boleh membaca dengan lancar ?
49	Bagaimana encik meminati kemahiran dalam automotive ?
50	Apakah kerjaya awal encik ketika melangkah ke alam pekerjaan?
51	Bagaimanakah encik boleh terlibat dengan pekerjaan tersebut?
52	Apakah cabaran terbesar yang pernah anda hadapi semasa bekerja?
53	Bagaimanakah anda mengatasinya?
54	Bagaimanakah keadaan encik apabila bekerja di bawah tekanan?
55	Apakah respond majikan tentang penglibatan anda?
56	Apakah tindakan majikan dalam memberi sokongan kepada anda?
57	Adakah ianya memainkan peranan yang besar dalam meneruskan minat anda?
58	Berapa kali encik menukar pekerjaan ?
59	Boleh ceritakan pengalaman encik semasa menjadi pekerja ?
60	Bagaimana encik membuka perusahaan sendiri ?

#### E. Cabaran / Pencapaian

63	Adakah encik pernah mendapat penaja ?
64	Adakah encik pernah mendapat mana mana tawaran dari pihak kerajaan atau badan bukan kerajaan ?

65	Adakah encik mengambil tawaran tersebut ?
66	Mengapakah encik menolak semua tawaran ?
67	Adakah penyakit encik menganggu kejayaan encik ?
68	Apakah cabaran encik dalam menghadapi penyakit kronik ?
69	Bagaimana encik bergiat aktif melawan penyakit encik ?
70	Apakah cabaran terbesar encik dalam membuka bengkil ?
71	Apakah cabaran encik ketika operasi perniagaan encik berjalan ?
72	Bagaimana encik mengatasi cabaran tersebut?
73	Bagaimana dengan kos perubatan encik ?

#### F. Pencapaian

72	Apakah pencapaian encik ?
73	Berapa pantas encik membuka enjin kereta ?
74	Adakah encik pernah menyertai pertandingan dalam bidang automotif?
75	Perasaan kali pertama mewakili negeri?
76	Rekod kebangsaan yang diperoleh?
77	Adakah rekod itu masih kekal atau sudah dapat diatasi?
78	Perasaan kali pertama mewakili giatmara?
79	Dimanakah acara itu diadakan?
80	Perasaan apabila memenangi kejayaan itu?
81	Boleh ceritakan peristiwa tersebut?
82	Siapakah yang menyertai pertandingan itu?
83	Apakah pencapaian terbaik encik sepanjang menjadi pelajar automotive?
84	Bilakah kali terakhir encik menyertai pertandingan?

#### G. Kejayaan Kini

85	Bilakah encik membuka perusahaan sendiri ?
86	Kenangan manis semasa membuka perniagaan ?
87	Adakah pelajaran semasa belajar berkait rapat dengan kejayaan encik sekarang ?
88	Apakah kejayaan yang diperolehi semasa menjalankan perniagaan ?
89	Adakah encik mempunyai pelanggan tetap ?
90	Bagaimana encik mengambangkan perniagaan encik ?
91	bagaimana encik promosi bengkel encik ?
92	Apakah yang memberikan encik semangat dalam usaha ini ?
93	Berapa ramai pekerja encik ?
94	Apakah bimbingan encik kepada pekerja encik ?

#### H. Harapan/ Rumusan

95	Apakah kekuatan diri encik ?
96	Apakah kelemahan yang encik hadapi ?
97	Apakah perancangan encik dimasa depan ?
98	Bagaimana ahli keluarga dapat memainkan peranan untuk memupuk minat encik ?
99	Apakah nasihat encik kepada masyarakat tentang penyakit encik ?
100	Apakah harapan dalam kehidupan encik ?

## DIARI PENYELIDIKAN

NO BIL	HARI	TARIKH	AKTIVITI
1	Ahad	13/11/22	Perbincangan Tajuk (Topikal atau Biografi)
2	Ahad	13/11/22	Persetujuan memilih tajuk biografi
3	Isnin	14/11/22	Pemilihan tokoh dan minta persetujuan dari En. Nazir
4	Isnin	14/11/22	Mendapat kelulusan dari En. Nazir untuk memilih tokoh. Tokoh yang dipilih ialah Shahkir Idzham usahawan muda yang menghidap penyakit disleksia
5	Selasa	15/11/22	Meminta izin daripada tokoh untuk merakam sejarah lisan dengan menghantar pesanan melalui whatsapp.
6	Isnin	28/11/22	Encik Shahkir Idzham bersetuju untuk di temubual dan kami minta kelulusan En Nazir atas pemilihan tokoh tersebut. En Nazir meluluskan kami bertemu ramah dengan Shahkir Idzham, usahawan muda SR62 Auto Sdn Bhd
7	Khamis	01/12/22	Kami menyediakan soalan sebanyak 100 soalan dan menjalankan penyelidikan supaya matlamat dicapai.
8	Khamis	08/12/22	Kami meminta En.Nazir menyemak soalan kami dan minta perbaiki soalan kami yang bersesuaian untuk ditanyakan pada En Shahkir. Menulis “interview guide” untuk senarai soalan.
9	Khamis	8/12/22	En. Nazir bersetuju dan menyokong soalan kami untuk diajukan kepada tokoh pemilihan kami. Kami bersedia untuk menemu ramah beliau.

10	Khamis	15/12/22	Mendapat panggil Encik Shahkir Idzham kerana terdapat sedikit masalah kesihatandan dan bercadang membuat google meet
11	Jumaat	23/12/22	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menemu ramah tokoh kami Shahkir Idzham semuanya berjalan lancar.</li> <li>• Pastikan keadaan temubual yang selesa dan bebas daripada gangguan dan bunyi bising.</li> <li>• Pastikan tokoh faham dengan tujuan temubual.</li> <li>• Memberitahu tokoh untuk merakam tembual</li> <li>• Meminta tokoh untuk tandatangan boring melalui email</li> <li>• Mengucapkan terima kasih kepada tokoh.</li> </ul>
12	Selasa	10/01/23	Kami menyiapkan semua tugas yang diberi En Nazir seperti, proposal, artikel, dan transkrip
13	Sabtu	04/02/23	Transkrip hasil sejarah lisan dengan format yang betul

## LAMPIRAN



**Gambar 1:** Didalam kelas Pendidikan Khas membuat kad ucapan Bersama rakan-rakannya



**Gambar 2:** Didalam kelas melakukan aktiviti memasak dengan banencik guru Pendidikan Khas



**Gambar 3:** Melakukan aktiviti sukan Bersama rakan-rakan



**Gambar 4 :** Menyertai pertandingan memasak



**Gambar 5:** Di Giatmara Puchong, Hari pertama semasa berusia 16 tahun



**Gambar 6:** Mendapat tempat pertama dalam “Worldskill Malaysia Belia 2017” pra kelayakan Teknologi Automobil dan layak ke peringkat akhir



**Gambar 7:** Mendapat pertama dalam Peringkat akhir Worldskill Malaysia



**Gambar 8:** Bengkel Sr62 Auto Sdn Bhd di Pulau Meranti, Puchong